



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Pendaftar  
Registrar's Department

Canseleri Tun Abdul Razak  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah  
26600 Pekan  
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5033  
e-mel: pendaftar@umpsa.edu.my  
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Ruj. Kami : UMPSA.100-1/3/1 Jilid 2 (4)  
Tarikh : 7 April 2026

## Senarai Edaran Seperti Lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

### EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 4 TAHUN 2026 MENERIMA PAKAI KADAR BAHARU ELAUN TUGAS ATAS PANGGILAN (ETAP) KEPADA PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMPSA Bil. 4 Tahun 2026 mengenai menerima pakai Kadar Baharu Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2 Tahun 2026 bertarikh 6 Mac 2026 untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Unit Perkhidmatan dan Kebajikan, Pusat Pengurusan Bakat Jabatan Pendaftar:

Puan Yusmaliza Kamela binti Mohamed Ali  
Pegawai Tadbir Kanan/ Eksekutif Kanan  
Tel : 09-431 6363  
E-mel : liza@umpsa.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,

**(ABDUL SHUKUR BIN ISHAK)**

Pengarah Kanan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

**KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI**



## SENARAI EDARAN

1. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Yatimah binti Alias**  
Naib Canselor
2. **YH Dato' Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad bin Sulaiman**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Aida binti Mustapha**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**  
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin bin Othman**  
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah binti Gono**  
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina binti Mamat**  
Penasihat Undang-Undang
9. **Semua Penolong Naib Canselor**
10. **Semua Penolong Timbalan Naib Canselor**
11. **Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
12. **Ketua Pegawai Digital**
13. **Ketua Pejabat Naib Canselor**
14. **Semua Pengarah Kanan/ Pengurus Besar**
15. **Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Pengurus Kanan/ Ketua Unit**
16. **Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
17. **Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPA**



## PEKELILING PENTADBIRAN UMPSA BIL. 4 TAHUN 2026

---

### **MENERIMA PAKAI KADAR BAHARU ELAUN TUGAS ATAS PANGGILAN (ETAP) KEPADA PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

#### **TUJUAN**

- 1.0 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Kadar Baharu Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) Kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

#### **LATAR BELAKANG**

- 2.0 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2026 bertarikh 6 Mac 2026 telah memberikan kelulusan untuk menerima pakai Kadar Baharu Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) Kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di UMPSA.
- 3.0 Pemberian Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) telah diperuntukkan kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian mulai tahun 1994 tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan. ETAP telah melalui beberapa kali penambahbaikan dan pada ketika ini ia dilaksanakan melalui Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP 1/2024), Lampiran E, Rujukan : E4-U77.

|                                       |  |
|---------------------------------------|--|
| Rujukan                               | E4-U77   |
| Nama Elaun                            | Elaun Tugas Atas Panggilan bagi Pegawai Perubatan  |
| Tahun Perwujudan                      | 1994   |
| Objektif                              | Memastikan perkhidmatan rawatan pesakit di fasiliti kesihatan adalah berterusan.   |
| Kriteria                              | Tanggungjawab tambahan   |
| Pemakaian Syarat Umum Pemberian Elaun | Tidak tertakluk kepada pemakaian syarat umum pemberian elaun.  |
| Syarat Kelayakan                      | <p>Layak dibayar kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Pergigian Pakar, Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian lantikan tetap, sementara dan kontrak di Hospital Kerajaan, Hospital Universiti, Hospital Angkatan Tentera, Klinik Kesihatan dan Klinik Ibu dan Anak yang diarah untuk menjalankan tugas atas panggilan selepas waktu bekerja biasa.</li> <li>2. Pengarah Hospital (Pegawai Perubatan) Gred UD10 yang menjalankan tugas atas panggilan di Hospital Pakar Minor dan Hospital Tanpa Pakar dengan syarat berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Hospital yang dikenal pasti kekurangan Pegawai Perubatan untuk tinggal di atas panggilan pada satu-satu masa oleh Pengarah Kesihatan Negeri;</li> <li>b. jumlah maksimum bertugas atas panggilan (aktif dan pasif) yang dibenarkan ke atas Pengarah Hospital adalah tidak melebihi 10 hari sebulan;</li> <li>c. pemberian elaun kepada Pengarah Hospital dihentikan dalam keadaan berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pengarah Hospital dinaikkan pangkat ke gred UD12 atau lebih tinggi; dan</li> <li>ii. Hospital Pakar Minor atau Hospital Tanpa Pakar dinaik taraf sebagai Hospital Pakar Major.</li> </ol> </li> </ol> </li> </ol> |

|         |            |  |  |  |  |
|---------|------------|--|--|--|--|
| Rujukan | E4-U77     |  |  |  |  |
| Kadar   | <b>BIL</b> | <b>Jenis Tugas Atas Panggilan</b>  | <b>Kadar Semalaman (RM)</b>              |  |  |
|         |            |  | <b>Pakar Perubatan / Pakar Pergigian</b> | <b>Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian</b> |  |
|         | 1          | Panggilan Aktif:<br>Bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan pada:   |  |  |  |
|         |            | Hari bekerja   | 230.00                                   | 200.00                                       |  |
|         |            | Hari cuti mingguan & hari cuti am  | 250.00                                   | 220.00                                       |  |
|         | 2          | Panggilan Pasif<br>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas melebihi 4 jam pada:   |  |  |  |
|         |            | Hari bekerja   | 150.00                                   | 130.00                                       |  |
|         |            | Hari cuti mingguan & hari cuti am  | 160.00                                   | 140.00                                       |  |
|         | 3          | Panggilan Pasif:<br>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada:                                     |  |  |  |
|         |            | Hari bekerja   | 100.00                                   | 80.00  |  |
|         |            | Hari cuti mingguan & hari cuti am  | 105.00                                   | 85.00  |  |
|         | Penerima   | 1. Kementerian Kesihatan Malaysia<br>2. Hospital Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan Malaysia<br>3. Hospital Universiti, Kementerian Pengajian Tinggi |  |  |  |

## PELAKSANAAN

- 4.0 Menerima pakai kadar baharu ETAP kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di UMPSA seperti mana yang telah dimaklumkan melalui Surat Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dengan no. ruj: KKM.500-8/2/31Jld. 4 (41) bertarikh 30 Oktober 2025 adalah seperti di berikut:

| Bil | Jenis Tugas Atas Panggilan   | Kadar Semalaman (RM)              |                                       |
|-----|--|-----------------------------------|---------------------------------------|
|     |  | Pakar Perubatan / Pakar Pergigian | Pegawai Perubatan / Pegawai Pergigian |
| 1   | Panggilan Aktif:<br>Bertugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan pada:                       |                                   |                                       |
|     | Hari bekerja   | 325.00                            | 280.00                                |
|     | Hari cuti mingguan & hari cuti am  | 350.00                            | 300.00                                |
| 2   | Panggilan Pasif<br>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas melebihi 4 jam pada:                                       |                                   |                                       |
|     | Hari bekerja   | 200.00                            | 180.00                                |
|     | Hari cuti mingguan & hari cuti am  | 220.00                            | 190.00                                |
| 3   | Panggilan Pasif:<br>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada: |                                   |                                       |
|     | Hari bekerja   | 135.00                            | 110.00                                |
|     | Hari cuti mingguan & hari cuti am  | 150.00                            | 120.00                                |

## TARIKH KUAT KUASA

- 5.0 Pekeliling Pentadbiran ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026.

## **PEMBATALAN**

6.0 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Pentadbiran ini, Pekeliling Perkhidmatan (PP) dan surat edaran seperti di bawah adalah dibatalkan:

- i. Surat JPA(S)215/8/2-4/(20) bertarikh 28 Oktober 1994;
- ii. Surat JPA(S)215/8/2-4/Klt. 2/(39) bertarikh 25 Julai 1997;
- iii. Surat JPA(S)215/8/2-4 Klt.2/(SV4) bertarikh 29 Oktober 2001;
- iv. Surat JPA(S)215/8/2-4 Klt. 4/(7) bertarikh 25 Mei 2005;
- v. Surat JPA(S)215/8/2-4 Klt. 4/(23) bertarikh 2 Disember 2005;
- vi. Surat JPA.SARAAN(S)215/8/2-4 Klt.6(11) bertarikh 16 Disember 2011;
- vii. Surat JPA.SARAAN(S)215/8/2-4 Jld. 8(9) bertarikh 19 April 2016;
- viii. Surat JPA.(S)215/8/2-4 KLT.10(7) bertarikh 30 Julai 2021;
- ix. Surat JPA.(S)215/8/2-4 KLT.10(20) bertarikh 25 Januari 2022; dan
- x. Pemakluman lain berkaitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum ini.

## **MAKLUMAT PERTANYAAN**

8.0 Sebarang pertanyaan berkaitan pekeling ini, mohon dikemukakan kepada:  
Unit Perkhidmatan dan Kebajikan,  
Pusat Pengurusan Bakat,  
Jabatan Pendaftar  
E-mel Rasmi : saraan.bsm@umpsa.edu.my

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*"Teknologi Untuk Masyarakat"*

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)**

Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Tarikh : 7 April 2026



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88832539

Ruj. Kami: KKM.500-8/2/31 Jld. 4 (41)

Tarikh : 30 Oktober 2025

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

*YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,*

**KENAIKAN KADAR ELAUN TUGAS ATAS PANGGILAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti dimaklumi, pemberian Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) telah diperuntukkan kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian mulai tahun 1994 tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang ditetapkan. ETAP telah melalui beberapa kali penambahbaikan dan pada ketika ini ia dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 (PP 1/2024), Lampiran E, Rujukan : E4-U77.

3. Demi untuk mengiktiraf dan menghargai dedikasi Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang terlibat, YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan melalui pembentangan Belanjawan tahun 2026 pada 10 Oktober 2025 telah mengumumkan keputusan Kerajaan untuk menaikkan kadar ETAP sedia ada kepada suatu kadar baharu.

Sehubungan itu, kadar baharu yang diluluskan oleh Kerajaan adalah seperti jadual di bawah:

| Bil | Jenis Tugas Atas Panggilan   | Kadar Semalam (RM)                  |   |
|-----|--|-------------------------------------|---|
|     |  | Pakar Perubatan/<br>Pakar Pergigian | Pegawai Perubatan/<br>Pegawai Pergigian |
| 1.  | <b>Panggilan Aktif:</b><br>Bertugas di luar waktu bekerja biasa <b>melebihi 15 jam</b> secara berterusan pada:                       |                                     |   |
|     | (a) Hari Bekerja   | 325.00                              | 280.00                                  |
|     | (b) Hari Rehat Mingguan,<br>Hari Kelepasan<br>Mingguan dan Hari<br>Kelepasan Am  | 350.00                              | 300.00                                  |
| 2.  | <b>Panggilan Pasif:</b><br>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas <b>melebihi 4 jam</b> pada:                                      |                                     |   |
|     | (c) Hari Bekerja   | 200.00                              | 180.00                                  |
|     | (d) Hari Rehat Mingguan,<br>Hari Kelepasan<br>Mingguan dan Hari<br>Kelepasan Am  | 220.00                              | 190.00                                  |
| 3.  | <b>Panggilan Pasif:</b><br>Bersedia di rumah dan dipanggil bertugas <b>kurang daripada 4 jam</b> atau tidak dipanggil bertugas pada: |                                     |   |
|     | (e) Hari Bekerja   | 135.00                              | 110.00                                  |
|     | (f) Hari Rehat Mingguan,<br>Hari Kelepasan<br>Mingguan dan Hari<br>Kelepasan Am  | 150.00                              | 120.00                                  |

4. Untuk makluman, kenaikan kadar ETAP ini turut dipanjangkan kepada Pegawai Perubatan (termasuk Pakar Perubatan) dan Pegawai Pergigian (termasuk Pakar Pergigian) di Angkatan Tentera Malaysia dan Universiti Awam.

5. Tarikh kuat kuasa pelaksanaan pembayaran kenaikan kadar ETAP baharu adalah mulai **1 Oktober 2025**. Berikutan itu, **jadual kadar ETAP sedia ada dalam PP 1/2024, Lampiran E, Rujukan : E4 - U77 adalah dibatalkan** dan digantikan dengan jadual di atas. Surat edaran ini perlu dibaca bersama atau mengikut mana-mana peraturan yang berkuat kuasa.

6. Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan elaun ini boleh dirujuk berdasarkan kategori berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Kategori<br/>Pertanyaan</b>  | <b>Bahagian</b>  |
|-------------|---------------------------------|--|
| (i)         | Pelaksanaan ETAP                | Pelaksanaan ETAP di Hospital:<br>Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM<br>No. Telefon: 03-8883 1103/ 03-8890 6048<br>/ 03-8883 1101<br><br>Pelaksanaan ETAP di Klinik Kesihatan:<br>Bahagian Pembangunan Kesihatan<br>Keluarga, KKM<br>No. Telefon : 03-8883 2171 |
| (ii)        | Dasar pemberian<br>elaun di KKM | Bahagian Sumber Manusia, KKM<br>No. Telefon: 03-8883 2931  |

| Bil.  | Kategori<br>Pertanyaan    | Bahagian  |
|-------|---------------------------|---|
| (iii) | Pelaksanaan<br>pembayaran | Bahagian Akaun, KKM<br>No. Telefon:03-8883 3267 |

7. Kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan pelaksanaan urusan ini teratur, cekap dan berkesan.

8. Selaras dengan keputusan Kerajaan ini, diharapkan agar semua pegawai yang terlibat terus menzahirkan komitmen dan semangat perkhidmatan yang tinggi, serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat secara berterusan, seiring dengan aspirasi Kementerian untuk memperkukuh sistem kesihatan negara.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

*Omid*

**(DATO' SRI SURIANI BINTI DATO' AHMAD)**

**Salinan Kepada:**

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Pergigian)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan

Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

Setiausaha Bahagian Kewangan

Setiausaha Bahagian Akaun

**SENARAI EDARAN DALAMAN**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur

Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori

Pengarah  
Pusat Darah Negara

Pengarah  
Institut Kanser Negara

Pengurus  
Institut Kesihatan Negara

Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

## **SENARAI EDARAN LUAR:**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan  
Tingkat 5, Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
**50634 KUALA LUMPUR**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 17, No.2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 PUTRAJAYA**

Setiausaha Bahagian  
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan  
Aras 3, Blok Selatan  
No 5 Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 W.P. PUTRAJAYA**

Pengarah  
Bahagian Gaji dan Elaun  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Aras 5, Blok C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 W.P. PUTRAJAYA**